



## Gas Malaysia rai 350 pelajar SMK Bandar Baru Batang Kali

**PROGRAM Jalanan Pintar:** Kembali Ke Sekolah anjuran Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) meraikan 350 pelajar kurang berkemampuan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Batang Kali, Hulu Selangor. Pelajar-pelajar tersebut

diraikan dengan sumbangan kelengkapan seperti pakaian seragam, kasut, alat tulis dan kalkulator saintifik bagi sesi persekolahan baharu yang akan bermula pada Mac ini.

Mereka dikenal pasti datang dari keluarga kurang berkemampuan

menerima sumbangan melalui Program Jalanan Pintar: Kembali Ke Sekolah di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Hashimi Abdul Manap berkata, sumbangan tersebut

merupakan sebahagian daripada dasar CSR syarikat berkaitan pendidikan bagi memastikan setiap orang mendapat peluang akademik.

■ SERAMAI 350 pelajar SMK Bandar Baru Batang

kali menerima sumbangan kelengkapan persekolahan oleh Gas Malaysia dalam Program Jalanan Pintar: Kembali Ke Sekolah dekat sekolah tersebut di Batang Kali, Hulu Selangor. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF



Gas Malaysia rai 350

PROGRAM Jalanan Pintar: Kembali Ke Sekolah anjuran Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) diraikan meraikan 350 pelajar